

*Cash Explorace Kit* memberi faedah kepada pelbagai pihak bukan sahaja kepada pengguna kit yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar Program Perakaunan Perniagaan tetapi juga kepada semua pengamal perekodan buku tunai secara atas amnya. Kandungan Projek *Cash Explorace Kit* yang terdiri daripada permainan yang menyeronokkan serta mencabar aspek fizikal dan mental sambil melakukan perekodan buku tunai bagi setiap transaksi dapat membantu pengguna dari segi pemahaman dan penggunaan konsep perekodan dengan lebih baik.

Ciri-ciri penggunaan kepelbagaian warna yang mampu menarik dalam produk ABM ini secara tidak langsung merangsang minda pengguna melalui keseronokan mencuba permainan ini. Selain itu, *Cash Explorace Kit* yang telah dibangunkan ini dilengkapi dengan manual penggunaan dan kad peserta dan kad urusetia serta bahan dan peralatan yang boleh digunakan berulang kali pada bila-bila masa sahaja. ABM ini telah terbukti mampu menjimatkan kos, masa dan tenaga untuk penyediaan bahan dan peralatan seterusnya memudahkan sesi PdP berjalan lancar di luar bilik kuliah.

Perancangan yang teliti tidak perlu diambil sehingga berhari-hari kerana *Cash Explorace Kit* telah ada segala-galanya. Pengguna juga hanya perlu menyediakan bahan yang telah disenaraikan tiada dalam kit sehari sebelum menjalankan permainan *Cash Explorace*. Sehubungan itu, amat diharapkan agar projek inovasi ini dapat dikomersialkan suatu hari nanti kerana ia bukan sahaja menyumbang kepada pelajar Kolej Komuniti sebagai pengguna malah kepada institusi pendidikan amnya dan bidang profesionalisme perakaunan.

#### Rujukan

- Lee Shok Mee. Psikologi Pendidikan 2. (1997). Kumpulan Budiman Sdn Bhd: Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan.
- Mariyam Abdul Aziz, Munirah Salim, Hadrah Hanum Ramlee & Ahmad Hafiz Zainal Abidin. (2012). Keberkesanan Permainan Saidina Dalam P&P Topik Transaksi Perniagaan Catatan Bergu. Kolej Profesional MARA, Malaysia.
- Maznah binti Bachok. (2006). "Science Explorace" : Satu Kaedah Meningkatkan Minat 50 Pelajar Tingkatan Dua SMK Serendah Terhadap Subjek Sains. Malaysia.
- Rashidah Abu & Faridah Noor Mohamed. (2014). Laporan Projek Inovasi Flip For Tips. Malaysia.
- Rosli Bin Hamid. (2011). Penggunaan Teknik 4 Warna Dalam Tajuk Penyata Penyesuaian Bank Dengan Mengemaskini Buku Tunai. Malaysia.

## ANALISIS DIMENSI YANG MEMPENGARUHI PEMILIHAN KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT SEBAGAI PLATFORM UNTUK MELANJUTKAN PENGAJIAN

Nurhasyinda Shahidan<sup>1</sup>, Nur Azlina Jalaluddin<sup>2</sup>

Program Pengoperasian Perniagaan,  
Kolej Komuniti Kuala Langat

[nurhasyinda@kkkla.edu.my](mailto:nurhasyinda@kkkla.edu.my) , [ieyna\\_azlina@kkkla.edu.my](mailto:ieyna_azlina@kkkla.edu.my)

#### Abstrak

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti pemeringkatan dimensi yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) sebagai platform melanjutkan pengajian dan kewujudan hubungan yang signifikan di antara kategori-kategori dimensi. Kategori dimensi telah dihadkan kepada empat kategori dimensi sahaja iaitu akademik, institusi pengajian, pengaruh orang berkepentingan dan kewangan. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan instrumen borang soal selidik secara *online* yang dibangunkan melalui aplikasi perisian *Google Docs*. Instrumen borang soal selidik yang mengandungi 2 bahagian iaitu Bahagian A: Maklumat Diri Responden dan Bahagian B: Empat kategori dimensi. Responden kajian terdiri daripada 201 pelajar semester satu sesi Julai 2014 yang terdiri daripada Sijil Kolej Komuniti Berterusan SKK(T) dan Sijil Kolej Komuniti Bermodular SKK(M) di KKKL. Data telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) bagi mendapatkan dapatan kajian dalam bentuk min dan frekuensi. Dapatkan kajian menunjukkan dimensi yang sangat mempengaruhi pemilihan KKKL sebagai platform melanjutkan pengajian ialah responden memilih bidang pengajian yang memberikan peluang kerjaya. Semua pembolehubah dalam kajian ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih kecil daripada nilai alpha (0.01). Kategori dimensi institusi pengajian dengan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan menunjukkan keputusan hubungan yang paling kuat antara kedua-dua pembolehubah ini dengan nilai pekali korelasi r paling tinggi = 0.697. Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan memberi maklumat hasil kajian kepada Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti (JPKK), pihak pengurusan, Unit Hal Ehwal Pelajar dan kakitangan akademik KKKL.

**Kata kunci:** dimensi melanjutkan pengajian, hubungan signifikan

#### 1.0 Pendahuluan

Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) menawarkan Sijil Kolej Komuniti Berterusan SKK(T) dan Sijil Kolej Komuniti Bermodular SKK(M) mulai tahun 2013. Program SKK(T) yang terdapat di KKKL ditawarkan secara sepenuh masa dan berterusan selama tiga semester di kolej. Bagi melengkapkan SKK(T) pelajar perlu mengikuti latihan industri selama 16 minggu. KKKL hanya menawarkan Sijil Akauntansi (SAK) dan Sijil Pelancongan dan Pengembawaan (SPP) di bawah kategori program SKK(T). Manakala, SKK(M) ditawarkan secara sepenuh masa menggunakan konsep bermodular. Tempoh setiap modul adalah selama 4 bulan. Pelajar perlu mengambil modul pembelajaran dalam sesuatu bidang dari kolej yang menawarkannya. Pelajar dianugerahkan SKK apabila telah lulus semua modul dalam program berkenaan. Bagi kategori program SKK(M), KKKL menawarkan Sijil Pemasangan Elektrik (SPE), Sijil Animasi 2D (SDD), Sijil Aplikasi Perisian Komputer (SAP) dan Sijil Rekabentuk dan Pembuatan Perabot (SRP).

Pengambilan pelajar di KKKL bagi program SKK(T) telah bermula pada Mac 2013 dan dituruti dengan perlaksanaan program SKK(M) pada Julai 2013. Sehingga September 2014, Sijil

Pelancongan dan Pengembaraan (SPP) telah berjaya melahirkan graduan seramai 7 pelajar sahaja. Bilangan yang kecil ini sedikit sebanyak memberi tanggapan bahawa terdapat beberapa faktor perlu dikaji semula bagi mengenalpasti faktor pemilihan KKKL pada sudut pandangan pelajar. Tambahan lagi, norma ambilan tahun 2014 mendapati hanya Program Sijil Pemasangan Elektrik (SPE) sahaja yang mencapai norma daripada enam (6) program lain yang telah ditawarkan. Oleh itu, isu ini memberi idea kepada penyelidik untuk mengenalpasti pemeringkatan dimensi dan kewujudan hubungan yang signifikan dalam mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian.

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan untuk menganalisis dimensi yang mempengaruhi pemilihan KKKL sebagai platform untuk melanjutkan pengajian. Hasil serta maklumat kajian yang telah dijalankan, diharap dapat memberi manfaat kepada pelbagai pihak yang berkenaan sebagai panduan dan rujukan. Pihak yang berkepentingan dalam kajian ini adalah Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, Pihak pengurusan KKKL, Unit Hal Ehwal Pelajar KKKL dan kakitangan akademik KKKL.

### 1.1 Objektif Kajian

- i) Mengenalpasti pemeringkatan dimensi yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian.
- ii) Mengenalpasti dimensi yang sangat mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian.
- iii) Mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi akademik dengan kategori dimensi institusi pengajian yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian.
- iv) Mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi akademik dengan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian.
- v) Mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi akademik dengan kategori dimensi kewangan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian.
- vi) Mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi institusi pengajian dengan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian.
- vii) Mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi institusi pengajian dengan kategori dimensi kewangan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian.
- viii) Mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi orang berkepentingan dengan kategori dimensi kewangan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian.

### 1.2 Persoalan Kajian


Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i) Apakah pemeringkatan dimensi yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian?
- ii) Apakah dimensi yang sangat mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian?
- iii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi akademik dengan kategori dimensi institusi pengajian yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian?
- iv) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi akademik dengan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian?

- v) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi akademik dengan kategori dimensi kewangan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian?
- vi) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi institusi pengajian dengan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian?
- vii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi institusi pengajian dengan kategori dimensi kewangan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian?
- viii) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi orang berkepentingan dengan kategori dimensi kewangan yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian?

## 2.0 Sorotan Kajian

### 2.1 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.0 Kerangka Konseptual Kajian

### 2.2 Kajian-Kajian Lepas

Norhayati & Intan Junizah, (2014) menjadikan Model Chapman sebagai panduan kajian mereka. Mereka menyatakan dalam memilih sesuatu produk pengajian iaitu destinasi seseorang pelajar ke institusi pengajian tinggi merujuk Model Chapman (1981) iaitu berpendapat pemilihan institusi dipengaruhi oleh satu set perwatakan pelajar serta kombinasi satu siri pengaruh luaran iaitu: pengaruh orang yang berkepentingan, ciri-ciri tetap institusi dan inisiatif institusi tersebut berkomunikasi dengan bakal pelajar. Oleh itu, penyelidik telah menjadikan elemen Kategori Dimensi Institusi Pengajian Tinggi dalam borang soal selidik.

Di dalam satu kajian oleh Joseph and Joseph (1998,2000) juga membincangkan faktor-faktor yang hampir sama dengan Chapman mengenai pengaruh luaran yang mendorong pelajar untuk memilih sesuatu institusi pengajian tinggi sebagai destinasi pengajian tinggi di mana maklumat tentang institusi serta pengaruh dan saranan ahli keluaraga dan rakan sebaya memainkan peranan di dalam pemilihan pelajar tersebut terutama di kalangan pelajar berketurunan Asia. Kajian ini juga dijalankan untuk mengetahui kebenaran pengaruh keluarga terutamanya ibu bapa dalam mempengaruhi pemilihan institusi pengajian untuk melanjutkan pengajian.

Kajian daripada Liew Chei Siang & Lam Eileen,(2008) menunjukkan bahawa faktor-faktor utama yang mempengaruhi corak pemilihan jenis IPT di kalangan pelajar memperlihatkan lebih banyak perbezaan daripada persamaan. Kedua-dua kategori pelajar mempunyai persepsi bahawa keupayaan IPT menghasilkan graduan yang berjaya dalam pelbagai bidang dan pengiktirafan masyarakat terhadap ijazah yang ditawarkan mempengaruhi keputusan pemilihan IPT yang belajar sekarang. Tanggapan tentang pengiktirafan masyarakat terhadap ijazah yang ditawarkan juga berbeza secara signifikan antara kedua-dua kategori pelajar. Pelajar IPTS turut memberi pertimbangan yang lebih besar terhadap yuran pengajian, kemudahan mendapat bantuan kewangan dan reputasi fakulti semasa membuat keputusan pemilihan jenis IPT. Pelajar IPTA lebih menitikberatkan faktor dalam dimensi akademik semasa memilih IPT. Ia merangkumi kualiti tenaga pengajar, struktur program pengajian, syarat kemasukan dan proses permohonan. Selain faktor kualiti tenaga pengajar, tanggapan terhadap pengaruh tiga faktor yang lain didapati berbeza secara signifikan antara pelajar IPTA dan IPTS. Pelajar IPTS lebih mengutamakan faktor-faktor yang berkaitan dengan dimensi kewangan dan dimensi institusi semasa memilih institusi pengajian berbanding dengan pelajar IPTA yang lebih mementingkan faktor-faktor yang berhubung dengan dimensi institusi dan akademik.

Dari kajian yang dilaksanakan oleh Wagner-Fard pula bertajuk “Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pelajar Malaysia untuk melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi (2009) merumuskan bahwasanya di antaranya kandungan pengajian di sesuatu institusi pengajian tinggi ,kepelbagaian kursus yang ditawarkan serta syarat kemasukan mempunyai signifikansi paling tinggi kepada pelajar Malaysia untuk membuat keputusan di institusi manakah mereka akan meneruskan pengajian.

Dapatan kajian Farah Zunurain & Salina (2010), menjawab kepada empat (4) objektif kajian yang disenaraikan mereka. Dapatan kajian beliau menyatakan faktor utama responden memilih Kolej Komuniti Induk Wilayah Johor untuk melanjutkan pelajaran bagi mendapatkan kemahiran demi masa depan. Manakala, dapatan kajian kedua terbukti bahawa min tertinggi menyatakan responden memilih kolej komuniti berdasarkan minat pada bidang yang ditawarkan. Dapatan seterusnya mengupas tentang kemudahan atau infranstruktur bangunan yang disediakan merangkumi asrama, pengangkutan, bilik darjah, makmal, peralatan untuk P&P berjalan dengan lancar. Peralatan dan alat bantu mengajar disediakan secukupnya. Hasil objektif kajian keempat beliau merumuskan, sumber maklumat mengenai Kolej Komuniti Induk Wilayah Johor yang diperolehi seperti rakan, media cetak, media elektronik, komuniti setempat dan promosi amat berkesan dan responden akan mengesyorkan kolej tersebut kepada sesiapa yang bertanya.

### 3.0 Metodologi Kajian

#### 3.1 Rekabentuk Kajian

Penyelidik telah membangunkan borang soal selidik secara online. Kaedah online ini telah dibangunkan melalui aplikasi perisian *Google Docs* yang membantu proses mendapatkan data daripada responden berjalan lebih cepat, lancar, dan menjimatkan masa. Selain itu, dengan menggunakan kajian secara online, penyelidik dapat mengelakkan penggunaan kertas untuk diedarkan secara hard copy kepada semua responden. Borang tersebut boleh dicapai melalui alamat URL berikut:  
[https://docs.google.com/forms/d/1IHdKU5oMNxkpNXDWdgcoap9pRi7J4DIU66dnHWkkJO8/viewform?c=0&w=1&usp=mail\\_form\\_link](https://docs.google.com/forms/d/1IHdKU5oMNxkpNXDWdgcoap9pRi7J4DIU66dnHWkkJO8/viewform?c=0&w=1&usp=mail_form_link)

#### 3.2 Populasi Dan Persampelan

Populasi kajian terdiri daripada semua pelajar semester satu bagi sesi Julai 2014 yang terdiri daripada Sijil Kolej Komuniti Berterusan SKK(T) dan Sijil Kolej Komuniti Bermodular SKK(M) di Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL). Jumlah populasi (N) adalah seramai 231 pelajar sahaja. Walau bagaimanapun, semasa online survey yang dijalankan, didapati seramai 31 responden tidak hadir menjadikan sampel kajian ini hanya menggunakan seramai 201 responden. Penyelidik membuat pemilihan sampel untuk dijadikan responden kajian ini berdasarkan penentuan Jadual Krejcie & Morgan (1970).

#### 3.3 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan di KKKL yang merupakan institusi pendidikan di bawah naungan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Pentadbiran Kolej Komuniti seluruh Malaysia adalah digagas oleh Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (JPKK). Hasil kajian ini boleh digunakan oleh pelbagai pihak yang berkepentingan dalam kajian ini iaitu JPKK, pensyarah program Perakaunan Perniagaan dan juga semua kakitangan akademik di KKKL. Namun kajian lanjutan boleh dijalankan dengan meluaskannya kepada kajian di semua Kolej Komuniti Wilayah Selangor seterusnya kepada semua kolej komuniti seluruh Malaysia.

#### 3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik yang diadaptasi daripada empat (4) penyelidikan iaitu:

- i) Kajian yang telah dibangunkan oleh Liew Chei Siang, Lam Eileen (2008) yang bertajuk “Analisis Pengaruh Pemilihan Jenis Institusi Pengajian Tinggi di Kalangan Pelajar IPTA dan IPTS”.
- ii) Kajian yang dibangunkan oleh Norhayati Othman, Intan Junizah (2014), yang bertajuk “Pengaruh Pemilihan Pengajian Ke Kolej Komuniti dan Cadangan Promosi”.
- iii) Kajian yang dibangunkan oleh Khalid Husseine Tuah, Mahathir Mohamad Kamin (2010), yang bertajuk “Faktor-faktor Pendorong Pembelajaran Sepanjang Hayat Untuk Kursus Secara Sambilan di Politeknik Kuching Sarawak”.
- iv) Kajian yang dibangunkan oleh Farah Zunurain, Salina Idrus (2010), yang bertajuk “Pemilihan Kolej Komuniti di Kalangan Pelajar Wilayah Johor Untuk Melanjutkan Pelajaran di Kolej Komuniti Induk Wilayah Johor”.

Daripada empat (4) borang soal selidik dalam kajian yang dinyatakan, penyelidik telah membuat penambahbaikan dan menyesuaikannya berdasarkan tajuk kajian. Hal ini bertujuan untuk mencapai objektif kajian yang dijalankan oleh penyelidik.

#### 3.5 Borang Soal Selidik

Borang soal selidik yang digunakan untuk mengenalpasti pemeringkatan dimensi yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat sebagai platform melanjutkan pengajian terbahagi kepada dua (2) iaitu:

##### i) Maklumat Diri

Maklumat diri meliputi aspek demografi responden iaitu kelas, jantina, bangsa, dan pendapatan isi rumah bulanan responden.

##### ii) Bahagian A hingga bahagian D: Kategori Dimensi

Soalan-soalan soal selidik yang dibangunkan dalam bahagian ini dirangka untuk membantu penyelidik menjawab persoalan kajian serta mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Dalam Jadual 1 berikut menerangkan jumlah soalan dalam setiap pecahan bahagian A hingga bahagian D.

KATEGORI DIMENSI	NOMBOR SOALAN	JUMLAH SOALAN
Bahagian A : Kategori Dimensi Akademik	1 hingga 5	5
Bahagian B : Kategori Dimensi Institusi Pengajian	1 hingga 16	16
Bahagian C : Kategori Dimensi Pengaruh Orang Berkepentingan	1 hingga 7	7
Bahagian D : Kategori Dimensi Kewangan	1 hingga 3	3
<b>JUMLAH SOALAN</b>		<b>31</b>

Jadual 1: Rumusan Pecahan Soalan dan Jumlah Soalan

Penyelidik telah menggunakan skala Likert 4 point dalam semua soalan bahagian A hingga bahagian D. Likert 4 point dipilih kerana penyelidik yakin likert ini membolehkan pengumpulan maklumat tentang darjah persetujuan responden terhadap setiap soalan yang digunakan. Penggunaan skala jenis ini adalah seperti Jadual 2.

Sangat Setuju	Setuju	Tidak Setuju	Sangat Tidak Setuju
4	3	2	1

Jadual 2: Skala Pemeringkatan Likert

### 3.6 Kajian Rintis

#### 3.6.1 Kesahan Instrumen Kajian

Sebanyak dua (2) orang pensyarah yang berpengalaman membuat kajian dan penyelidikan telah dirujuk sebagai ahli panel ujian kesahan. Ujian kesahan ini dilakukan bagi memastikan soalan-soalan dalam borang soal selidik dapat menjawab semua persoalan kajian yang telah disenaraikan oleh penyelidik. Hasilnya, kesemua panel yang dirujuk telah mengesahkan kesahan soalan-soalan dalam instrumen kajian. Dan mengutarakan beberapa cadangan pengubahsuaian.

#### 3.6.2 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Tiga puluh lima (35) pelajar telah dipilih secara rawak daripada kalangan responden daripada pelbagai bangsa untuk menguji kebolehpercayaan soalan-soalan dalam borang soal selidik. Ujian kebolehpercayaan telah dilakukan oleh penyelidik bagi memastikan responden kajian ini akan memahami sepenuhnya kehendak setiap soalan. Dapatkan nilai alpha cronbach yang diperolehi ialah 0.837. Ini menunjukkan instrumen kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Justeru, penyelidik telah bersetuju untuk meminta tiga puluh lima (35) pelajar yang menjadi kajian rintis ini menjawab semula soal selidik secara online survey. Hal ini kerana penyelidik mendapati borang soal selidik secara nyata memerlukan perubahan kecil yang tidak memberi kesan kepada item sebelum dibangunkan secara online.

### 3.7 Kaedah Analisis Data

Data yang telah diperolehi daripada responden dalam perisian aplikasi *Google Docs* secara automatik akan dihasilkan dalam aplikasi *Hamparan Elektronik* (*Microsoft Excell*). Penyelidik bersetuju untuk mengimport data daripada *Microsoft Excell* ke dalam perisian *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* Statistics versi 19.0 bagi mendapatkan dapatan kajian dalam bentuk min dan frekuensi (peratus) agar mudah dianalisis. Tafsiran skor min dapatkan kajian bagi mengukur dimensi yang mempengaruhi KKKL sebagai platform untuk melanjutkan pengajian adalah seperti Jadual 3.

SKOR MIN	TAFSIRAN
1.00 - 1.33	Rendah
1.34 - 2.67	Sederhana
2.68 - 4.00	Tinggi

Jadual 3: Jadual Tafsiran Skor Min

Analisis min bagi setiap dimensi yang mempengaruhi pemilihan KKKL sebagai platform untuk melanjutkan pengajian akan disenaraikan mengikut min yang paling tinggi hingga paling rendah untuk mencapai objektif kajian yang pertama iaitu mengenalpasti pemeringkatan dimensi dan objektif kajian kedua untuk mengenalpasti dimensi yang sangat mempengaruhi pemilihan KKKL sebagai platform melanjutkan pengajian.

### 4.0 Dapatan Kajian

#### 4.1 Demografi Responden

Merujuk kepada Jadual 4, responden yang terlibat adalah terdiri daripada (6) program yang ditawarkan di KKKL.

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid SAK 1	17	8.5	8.5	8.5
SAP 1A	28	13.9	13.9	22.4
SAP 1B	26	12.9	12.9	35.3
SDD 1A	12	6.0	6.0	41.3
SDD 1B	9	4.5	4.5	45.8
SPB 1A	26	12.9	12.9	58.7
SPB 1B	25	12.4	12.4	71.1
SPB 1C	12	6.0	6.0	77.1
SPL 1A	21	10.4	10.4	87.6
SPL 1B	15	7.5	7.5	95.0
SRP 1	10	5.0	5.0	100.0
Total	201	100.0	100.0	

Jadual 4: Demografi Responden mengikut kelas

Jantina responden yang terlibat dalam kajian ini, seramai 137 orang iaitu 68.2% terdiri daripada responden lelaki dan 64 orang iaitu 31.8% terdiri daripada responden perempuan. Terdapat 177 orang berbangsa Melayu iaitu 88.1% yang terlibat dalam kajian ini. Bangsa Cina hanya melibatkan 2 orang iaitu 1.0%, India pula seramai 20 orang iaitu 10.0%, dan lain-lain seramai 2 orang iaitu 1.0% sahaja.

Dapatkan kajian bagi aspek pendapatan isi rumah dalam sebulan adalah merujuk kepada Jadual 5.

**Pendapatan Isi Rumah Bulanan**

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	Kurang daripada RM 1000	48	23.9	23.9
	RM 1000 - RM 1999	74	36.8	60.7
	RM 2000 - RM 2999	45	22.4	83.1
	RM 3000 & ke atas	34	16.9	100.0
	Total	201	100.0	100.0

Jadual 5: Faktor Demografi (Pendapatan Isi Rumah Bulanan)

**4.2 Persoalan Kajian 1 Dan Persoalan Kajian 2**

Kategori Dimensi	Dimensi	Min	Pemeringkatan
Akademik	Saya memilih bidang ini kerana memberi peluang kerjaya.	3.35	1
Akademik	Saya memilih bidang ini kerana boleh menjamin masa depan.	3.35	2
Akademik	Saya dapat melanjutkan pengajian dengan sijil kolej komuniti.	3.32	3
Kewangan	Saya memilih KKKL kerana yuran pengajian yang rendah.	3.29	4
Akademik	Saya memilih KKKL berdasarkan minat pada bidang yang ditawarkan.	3.25	5
Pengaruh Orang Berkepentingan	Saya didorong oleh keluarga untuk melanjutkan pelajaran di KKKL.	3.17	6
Akademik	Saya memilih KKKL kerana syarat kemasukan yang minimum.	3.09	7
Institusi Pengajian	Saya mengetahui KKKL melalui laman web	3.05	8
Kewangan	Saya memilih KKKL kerana menawarkan biasiswa.	2.99	9
Kewangan	Saya memilih KKKL kerana menawarkan pinjaman	2.64	10
Pengaruh Orang Berkepentingan	Saya dipengaruhi oleh rakan-rakan untuk melanjutkan pelajaran di KKKL.	2.51	11
Institusi Pengajian	Saya memilih KKKL kerana ianya terkenal.	2.49	12
Institusi Pengajian	Saya mengetahui KKKL melalui Facebook	2.48	13
Institusi Pengajian	Saya memilih KKKL kerana berdekatan dengan rumah saya.	2.48	14
Institusi Pengajian	Saya memilih KKKL kerana berdekatan dengan kemudahan rekreasi	2.47	15
Institusi Pengajian	Saya memilih KKKL kerana pernah terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh kolej.	2.45	16
Pengaruh Orang Berkepentingan	Saya mendapat galakan daripada guru sekolah untuk melanjutkan pelajaran di KKKL.	2.44	17
Institusi Pengajian	Saya mengetahui KKKL daripada aktiviti KKKL bersama komuniti setempat.	2.37	18
Institusi Pengajian	Saya mengetahui KKKL melalui surat khabar	2.31	19

Saya mengetahui KKKL daripada guru-guru saya di sekolah. 2.29 20

Saya memilih KKKL kerana berdekatan dengan kemudahan pasaraya 2.27 21

Saya melanjutkan pelajaran di KKKL kerana dipengaruhi oleh Jiran 2.26 22

Saya melanjutkan pelajaran di KKKL kerana dipengaruhi oleh Pegawai Daerah 2.13 23

Saya memilih KKKL kerana berdekatan dengan kemudahan hiburan 2.12 24

Saya mengetahui KKKL melalui televisyen 2.11 25

Saya mengetahui KKKL melalui majalah 2.10 26

Saya mengetahui KKKL melalui Youtube 2.07 27

Saya melanjutkan pelajaran di KKKL kerana dipengaruhi oleh Ketua Kampung 2.03 28

Saya melanjutkan pelajaran di KKKL kerana dipengaruhi oleh Penghulu 2.02 29

Saya mengetahui KKKL melalui Twitter 2.01 30

Saya mengetahui KKKL melalui radio 1.97 31

Jadual 6: Pemeringkatan dimensi mengikut Data Skor Min

Tafsiran skor min: 1.00 – 1.33 = Rendah; 1.34 – 2.67 = Sederhana; 2.68 – 4.00 = Tinggi  
(Skala diadaptasi daripada Isrulhasrita & Nurul Hayati, 2011)

Berdasarkan kepada Jadual 6, dimensi utama yang mempengaruhi pemilihan Kolej Komuniti Kuala Langat (KKKL) sebagai platform melanjutkan pengajian adalah responden memilih bidang yang memberi peluang kerjaya. Sebanyak 39.3% responden sangat setuju dan 57.2% responden setuju dengan dimensi ini.

**Correlations**

	akademik	Institusi Pengajian	Pengaruh_org_berkepentingan	kewangan
akademik	Pearson Correlation Sig. (1-tailed) N	.187** .004 201	.186** .004 201	.385** .000 201
Institusi_Pengajian	Pearson Correlation Sig. (1-tailed) N	.187** .004 201	.697** .000 201	.409** .000 201
Pengaruh_org_be_rkepentingan	Pearson Correlation Sig. (1-tailed) N	.186** .004 201	.697** .000 201	.1 .000 201
kewangan	Pearson Correlation Sig. (1-tailed) N	.385** .000 201	.409** .000 201	.393** .000 201

\*\*. Correlation is significant at the 0.01 level (1-tailed).

Jadual 7: Analisis Inferensi Korelasi Pearson dan Nilai Signifikan Kategori Dimensi

#### 4.1 Persoalan Kajian 3

Jadual 7 menunjukkan keputusan korelasi pearson di antara hubungan kategori dimensi akademik dengan kategori dimensi institusi pengajian. Keputusan menunjukkan wujud hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini dengan nilai pekali korelasi  $r = 0.187$ . Oleh itu, kekuatan antara kedua-dua pembolehubah adalah kuat. Manakala nilai signifikan yang diperolehi adalah kecil daripada nilai alpha (0.01).

#### 4.2 Persoalan Kajian 4

Merujuk kepada Jadual 7, keputusan korelasi pearson di antara hubungan kategori dimensi akademik dengan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini dengan nilai pekali korelasi  $r = 0.186$ . Oleh itu, kekuatan antara kedua-dua pembolehubah adalah kuat. Manakala nilai signifikan yang diperolehi adalah kecil daripada nilai alpha (0.01).

#### 4.3 Persoalan Kajian 5

Keputusan korelasi pearson di antara hubungan kategori dimensi akademik dengan kategori dimensi kewangan adalah berdasarkan Jadual 7. Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini dengan nilai pekali korelasi  $r = 0.385$ . Oleh itu, kekuatan antara kedua-dua pembolehubah adalah kuat. Manakala nilai signifikan yang diperolehi adalah kecil daripada nilai alpha (0.01).

#### 4.4 Persoalan Kajian 6

Jadual 7 menunjukkan keputusan korelasi pearson di antara hubungan kategori dimensi institusi pengajian dengan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan. Keputusan menunjukkan wujud hubungan antara kedua-dua pembolehubah ini dengan nilai pekali korelasi  $r = 0.697$ . Oleh itu, kekuatan antara kedua-dua pembolehubah adalah kuat. Manakala nilai signifikan yang diperolehi adalah kecil daripada nilai alpha (0.01).

#### 4.5 Persoalan Kajian 7

Merujuk kepada Jadual 7, keputusan korelasi pearson di antara hubungan kategori dimensi institusi pengajian dengan kategori dimensi kewangan menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini dengan nilai pekali korelasi  $r = 0.409$ . Oleh itu, kekuatan antara kedua-dua pembolehubah adalah kuat. Manakala nilai signifikan yang diperolehi adalah kecil daripada nilai alpha (0.01).

#### 4.6 Persoalan Kajian 8

Keputusan korelasi pearson di antara hubungan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan dengan kategori dimensi kewangan adalah berdasarkan Jadual 7. Dapatan kajian menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini dengan nilai pekali korelasi  $r = 0.393$ . Oleh itu, kekuatan antara kedua-dua pembolehubah adalah kuat. Manakala nilai signifikan yang diperolehi adalah kecil daripada nilai alpha (0.01).

#### 4.7 Perbincangan

Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan semua pembolehubah dalam kajian ini mempunyai hubungan yang signifikan dengan nilai signifikan yang diperolehi adalah lebih kecil daripada nilai alpha (0.01). Kategori dimensi institusi pengajian dengan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan menunjukkan keputusan hubungan yang paling kuat antara kedua-dua pembolehubah ini dengan nilai pekali korelasi  $r$  paling tinggi = 0.697.

Kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan kategori dimensi institusi pengajian walaupun dapatan kajian memeringkatkan dimensi pengaruh orang berkepentingan (*saya didorong oleh keluarga untuk melanjutkan pelajaran di KKKL*) di peringkat ke-6. Data menunjukkan sebanyak 36.3% responden sangat setuju dan 47.8% setuju dengan dimensi ini.

Keluarga yang terdiri daripada ibu bapa dan adik beradik adalah merupakan insan yang paling rapat dengan responden dalam memberi semangat dan galakan demi masa depan. Artikel bertajuk ‘Peranan Ibu Bapa membantu anak-anak mencapai kajayaan yang cemerlang dalam pelajaran’, 31 Julai 2013 dalam *bmutkspm.blogspot.com* menyatakan Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam sesebuah keluarga. Sebagai anak, seseorang itu memerlukan bantuan dan sokongan daripada ibu bapa untuk mencapai kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran. Dengan bantuan dan doa daripada ibu bapa, anak-anak mampu mencipta kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran.

Ini menunjukkan bahawa peranan orang berkepentingan dan institusi pengajian amat berhubung rapat dan perlu digandingkan bersama untuk melonjakkan pemilihan KKKL sebagai platform untuk melanjutkan pengajian. Ibu bapa dan guru sekolah serta peranan pihak pengurusan mempromosikan KKKL di sekolah, komuniti, media cetak dan elektronik serta media sosial merupakan isu yang diberi penekanan sebelum memilih KKKL untuk melanjutkan pengajian.

#### 5.0 Cadangan dan Kesimpulan

##### 5.1 Cadangan Penambahbaikan

- i) Pihak pengurusan dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) KKKL mempergiatkan lagi promosi dengan memfokuskan peluang-peluang kerjaya yang boleh diceburi oleh pelajar setelah tamat pengajian. Promosi ini dapat dijalankan melalui pelbagai medium seperti facebook yang menjadi ikutan dan pilihan ramai.
- ii) Pihak pengurusan KKKL perlu mengadakan perkongsian pengalaman bersama graduan yang telah berjaya menyandang jawatan yang besar atau menjadi usahawan berjaya. Ini akan memberi impak dan galakan kepada semua golongan sasaran untuk melanjutkan pengajian di KKKL.
- iii) Bagi mendekatkan KKKL dengan individu atau komuniti setempat bagi menjadikan KKKL pilihan pertama dalam melanjutkan pengajian, pihak akademik perlu menjalankan kolaborasi bersama syarikat-syarikat yang bereputasi baik dan terkenal. Ini membuka minda individu kerana berpeluang untuk memenuhi jawatan di syarikat yang kukuh dan gah.
- iv) Aktiviti promosi perlu dipergiatkan dengan mensasarkan golongan ibu bapa agar pendekatan hati ke hati terhadap anak mereka dapat diberi sekaligus menambah bilangan pelajar yang memilih KKKL.

Kajian ini telah dijalankan terhad ke atas 201 pelajar semester 1 sesi Julai 2014, dan ianya tidak boleh menjadi kayu ukur mandatori terhadap pemeringkatan dimensi secara keseluruhan. Justeru, adalah diharapkan kajian ini dapat menjadi panduan dan rujukan awal kepada penyelidik lain yang berminat untuk mengetahui pemeringkatan dimensi yang mempengaruhi pemilihan institusi pengajian masing-masing sebagai platform melanjutkan pengajian dan kewujudan hubungan yang signifikan di antara kategori-kategori dimensi.

## 5.2 Kesimpulan Kajian

Kajian yang telah dijalankan oleh penyelidik dapat dirumuskan berdasarkan dimensi yang disenaraikan. Semua objektif kajian telah tercapai iaitu pemeringkatan yang mempengaruhi pemilihan KKKL telah disusun mengikut min yang tertinggi dan terendah yang meliputi empat (4) kategori dimensi iaitu kategori akademik, kategori institusi pengajian, kategori pengaruh orang berkepentingan dan kategori kewangan. Seterusnya, dimensi yang sangat mempengaruhi pemilihan KKKL telah dikenalpasti iaitu kategori dimensi akademik di mana dapatan kajian menunjukkan min tertinggi iaitu 3.35 adalah menyatakan bidang yang ditawarkan di KKKL memberi peluang kerjaya dan menjamin masa depan. Manakala min terendah adalah 1.97 di mana responden merasakan hebahan promosi berkaitan KKKL melalui radio kurang berkesan. Dapat dijelaskan lagi, pelajar masa kini memandang kerjaya dan masa depan adalah amat mustahak bagi memastikan kehidupan mereka terjamin pada masa hadapan.

Manakala objektif yang menyentuh hubungan yang signifikan di antara kategori dimensi membuktikan bahawa kesemua pembolehubah menunjukkan wujud hubungan yang signifikan antara kedua-dua pembolehubah ini. Oleh itu, kekuatan antara semua pembolehubah adalah kuat. Manakala nilai signifikan yang diperolehi adalah kecil daripada nilai alpha (0.01). Kategori dimensi institusi pengajian dengan kategori dimensi pengaruh orang berkepentingan menunjukkan keputusan hubungan yang paling kuat antara kedua-dua pembolehubah ini dengan nilai pekali korelasi  $r$  paling tinggi = 0.697 berbanding kategori akademik yang telah mengungguli pemeringkatan yang mempengaruhi pemilihan KKKL sebagai platform melanjutkan pengajian.

## Rujukan

- Chapman, D.W. (1981). A model of student college choice. *Journal of higher Education* 52: 490-505
- Farah Zunurain, Salina Idrus (2010). Pemilihan Kolej Komuniti di Kalangan Pelajar Wilayah Johor Untuk Melanjutkan Pelajaran di Kolej Komuniti Induk Wilayah Johor. Prosiding Seminar Pengajian Kolej Komuniti Peringkat Kebangsaan 2011.
- Jabatan Pengajian Kolej Komuniti (2013). Panduan Pelaksanaan Program Pengajian Kolej Komuniti
- Khalid Husseine Tuah, Mahathir Mohamad Kamin (2010). Faktor-faktor Pendorong Pembelajaran Sepanjang Hayat Untuk Kursus Secara Sambilan di Politeknik Kuching Sarawak.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Krejcie, R.V. dan Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607-610.
- Liew Chei Siang & Lam Eileen (2008). Analisis Pengaruh Pemilihan Jenis Institusi Pengajian Tinggi di Kalangan Pelajar IPTA dan IPTS. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke III 2008.

Norhayati Othman, Intan Junizah (2014). Pengaruh Pemilihan Pengajian Ke Kolej Komuniti dan Cadangan Promosi. Selangor.

Peranan Ibu Bapa membantu anak-anak mencapai kajayaan yang cemerlang dalam pelajaran', 31 Julai 2013 secara online di <http://bmutkspm.blogspot.com/2013/07/peranan-ibu-bapa-membantu-anak-anak.html>

Profesor Dr Karl Wagner, Pooyan Yousefi Fard. (2010) Factors Influencing Malaysian Student's Intention to Study at a Higher Educational Institution. E-Leader Kuala Lumpur.